

Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.03.01/10.12/3 (5)
Tarikh: 03 Januari 2017

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YH Prof. Dato/ YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2017
PERATURAN BAGI KERJA-KERJA NAIKTARAF DAN PENGUBAHSUAI BANGUNAN
DAN RUANG PEJABAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan **Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2017** berkaitan **Peraturan Bagi Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Pengubahsuaian Bangunan Dan Ruang Pejabat Universiti Malaysia Pahang** untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato/ YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

ZO/HAI/Pekeliling Bendahari

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2017

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

PERATURAN BAGI KERJA NAIKTARAF DAN PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN DAN RUANG PEJABAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk menetapkan peraturan bagi kerja naiktaraf dan pengubahsuaian bangunan dan ruang pejabat di Universiti Malaysia Pahang.

PERATURAN KERJA NAIKTARAF DAN PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN DAN RUANG PEJABAT

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke 30 Bil 4/2016 telah menetapkan nilai RM500,000.00 dan ke atas adalah dipermodalkan kepada bangunan bagi kerja naiktaraf dan pengubahsuaian bangunan dan ruang pejabat di UMP Kampus Pekan;
- 2.2 Nilai RM500,000.00 dan ke atas hendaklah dikira berdasarkan nilai terkumpul tahunan bagi sesebuah bangunan dan tidak termasuk harta modal dalam klasifikasi lain seperti berikut:

- a) Peralatan Pejabat
- b) Peralatan Makmal
- c) Perabot & Kelengkapan
- d) Kenderaan
- e) Komputer & Perisian

- 2.3 Kerja naiktaraf dan pengubahsuaian bangunan dan ruang pejabat adalah dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh 5 tahun atau dengan kelulusan khas JKPU;
- 2.4 Perancangan hendaklah dibuat secara teliti dan PTJ hendaklah memohon peruntukan bajet melalui kod akaun bangunan bagi projek yang bernilai RM500,000.00 dan ke atas;
- 2.5 Naiktaraf dan pengubahsuaian yang bernilai kurang RM500,000.00 hendaklah diteliti dan mendapat kelulusan JKPU agar Universiti memperakaunkan nilai bangunan dengan tepat sekaligus memberi gambaran sebenar aset Universiti;
- 2.6 Peraturan kerja naiktaraf dan pengubahsuaian ini juga terpakai bagi UMP Kampus Gambang bagi mengelak daripada mendapat teguran pihak audit bagi perbelanjaan tahunan yang tinggi dalam kod akaun penyelenggaraan sedangkan perbelanjaan terlibat adalah kerja naiktaraf dan pengubahsuaian ruang pejabat dan bangunan;
- 2.7 PTJ hendaklah memastikan setiap projek naiktaraf dan pengubahsuaian mempunyai Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (*Certificate Of Completion And Compliance (CCC)*) dan Sijil Perakuan Siap Kerja (*Certificate Of Practical Completion (CPC)*);
- 2.8 PTJ hendaklah memastikan pesanan tempatan tidak berbaki selepas perakuan bayaran muktamad. Dokumen CCC, CPC dan pesanan tempatan asal hendaklah disertakan dalam dokumen bayaran akhir.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

3. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk membuat perancangan yang rapi agar kerja naiktaraf dan pengubahsuaian bangunan dan ruang pejabat adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Bendahari ini;

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

5 Januari 2017

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar